



SAMPAH yang berselerak di sekitar rumah sampah Taman Kobena di Cheras, Kuala Lumpur kerana tidak dikutip mengikut jadual. - UTUSAN/NOOR ASYIKIN ROSLAN



P. SINAYA menunjukkan pasir yang mendap di pekarangan Taman Kobena selepas dibawa air dari tapak pembinaan berhampiran perumahan itu.

Taman Kobena hadapi masalah sampah, tidak disenggara

Penduduk tak tahan busuk, tikus

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 5 Jun - Memiliki kediaman dan tinggal di kawasan yang selesa dengan persekitaran yang bersih dan indah sudah tentu menjadi impian setiap orang terutamanya yang tinggal di bandar.

Namun begitu, bukan semua dapat menikmati rumah dengan suasana idaman seperti itu. Warga yang dihadapi oleh penduduk Taman Kobena, Cheras yang menghadapi dengan pelbagai masalah.

Tinjauan Utusan Malaysia baru-baru ini ke perumahan ini mendapati usang dan mendap sampah di kawasan penduduk selama beberapa bulan. Masalah banyak perkara yang perlu diperbaiki bagi memberi keselesaan kepada penduduk di situ.

Rata-rata penduduk yang ditemui merungut mengenai masalah kebersihan dan kemudahan di perumahan



S. MINACHI



P. SINAYA



MOHD. KHALID

tersebut yang disebabkan oleh beberapa perkara yang harus ditangani oleh pihak bertanggungjawab.

Seorang penduduk, **S. Minachi**, 62, berkata, masalah sampah yang tidak disenggara serta dikutip mengikut jadual merupakan salah satu masalah yang membuatkan penduduk berada dalam keadaan yang tidak selesa.

Katanya, sampah menjadi banyak dan kelihatan kotor serta menggelikan kerana kadang-kadang ia hanya dikutip seminggu sekali sahaja.

"Bila sampah banyak dan lama, ia mengeluarkan bau busuk terutamanya apabila hujan yang membuatkan penduduk tidak tahan.

"Masalah ini mesti diatasi segera

kerana ia boleh menyumbang kepada masalah kesihatan dan sampah lama mungkin menjadi tempat pembiakan nyamuk," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, **P. Sinaya**, 58, berkata, tidak cukup dengan masalah bau busuk dari rumah sampah, tikus juga banyak didapati di perumahan itu yang mendedahkan penduduk kepada bahaya penyakit.

"Penduduk pernah membuat aduan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengenai masalah tikus ini. DBKL ada datang kira-kira sebulan lalu dan meletak ubat dan tikus berkurangan sedikit tetapi sekarang jumlahnya bertambah kembali.

"Tikus ini bukan sahaja boleh membahayakan kesihatan, malah ia juga merosakkan harta benda kami. Haiwan itu selalu menggigit wayar kereta kami dan telah banyak kejadian kereta penduduk rosak di-

sebabkan masalah ini," ujarinya.

Sehubungan itu dia berharap DBKL dapat memikirkan satu langkah yang berkesan bagi mengatasi masalah tikus di kediaman mereka itu yang sudah menyebabkan kerugian di kalangan penduduk.

Dalam pada itu, **Mohd. Khalid Abu Bakar**, 50, pula berkata, dia sudah kerugian lebih RM1,500 untuk membaiki kereta akibat wayar digigit oleh tikus.

Tambahnya lagi, masalah longkang tersumbat dan tidak disenggara turut menjadi isu di Taman Kobena.

"Apabila hujan, tanah dari kawasan sebelah atas yang dulu ada kerja-kerja penambakan dan pengorekan tanah akan mengalir ke kawasan rumah kami.

"Ini menyebabkan longkang tersumbat dan kawasan perumahan kami turut dipenuhi lumpur," jelasnya.